

## AMALAN PENGAJARAN GURU BAHASA ARAB DALAM PEMBELAJARAN KEMAHIRAN BERTUTUR BERASASKAN PEMBELAJARAN KONSTRUKTIVISME DI SMKA NEGERI PULAU PINANG

### *Arabic Language Teachers' Teaching Practices in Speaking Skills Learning Based on Constructivist Learning in State Islamic Secondary Schools (SMKA) in Penang, Malaysia.*

Luqman Haqim Awang Kecil<sup>1</sup>, Siti Nur Izyandiyana Ab Hadi<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)

<sup>2</sup>Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka

\*Corresponding author email: haqimluqman759@gmail.com

#### ARTICLE HISTORY

Received: 19<sup>th</sup> Mac 2026

Revised: 11<sup>st</sup> June 2026

Accepted: 21<sup>st</sup> June 2026

Published: 30<sup>th</sup> June 2026

#### KATA KUNCI

Amalan guru;  
Kemahiran bertutur;  
Bahasa Arab;  
Konstruktivisme;  
SMKA

**ABSTRAK** - Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengajaran guru bahasa Arab dalam pembelajaran kemahiran bertutur berasaskan pendekatan konstruktivisme di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di negeri Pulau Pinang. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan melibatkan 20 orang guru bahasa Arab daripada empat buah SMKA di Pulau Pinang. Instrumen kajian menggunakan soal selidik yang mengandungi 19 item berskala Likert yang merangkumi empat dimensi utama iaitu interaksi sosial, simulasi dan main peranan, penilaian rakan sebaya dan refleksi sendiri, serta tugas autentik dan agensi pelajar. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS versi 30 dengan melibatkan analisis peratusan, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru dalam pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab berasaskan konstruktivisme berada pada tahap sederhana hingga tinggi. Aktiviti interaksi sosial seperti soal jawab antara murid dan pembentangan lisan mencatat nilai min yang tinggi, manakala aktiviti kolaboratif seperti pembinaan dialog secara bersama, penilaian rakan sebaya dan penyelesaian masalah secara lisan menunjukkan tahap pelaksanaan sederhana. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan konstruktivisme telah diaplikasikan dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab, namun masih terdapat ruang penambahbaikan khususnya dalam aspek penglibatan aktif pelajar dan aktiviti kolaboratif. Kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada guru bahasa Arab dalam memperkukuh strategi pengajaran yang lebih berpusatkan pelajar bagi meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar.

#### KEYWORD

Teacher Practices;  
Speaking Skills;  
Arabic Language;  
Constructivism;  
SMKA

**ABSTRACT** - *This study aims to identify the teaching practices of Arabic language teachers in speaking skills instruction based on the constructivist approach in National Religious Secondary Schools (SMKA) in the state of Penang. The study employed a quantitative approach using a survey design involving 20 Arabic language teachers from four SMKAs in Penang. The research instrument was a questionnaire consisting of 19 Likert-scale items covering four main dimensions: social interaction, simulation and role-play, peer assessment and self-reflection, as well as authentic tasks and student agency. The data were analyzed descriptively using SPSS version 30, involving percentage, mean, and standard deviation analyses. The findings indicate that teachers' instructional practices in constructivist-based Arabic speaking skills learning were at a moderate to high level. Social interaction activities, such as question-and-answer sessions among students and oral presentations, recorded high mean scores, whereas collaborative activities, including joint dialogue construction, peer assessment, and oral problem-solving, were implemented at a moderate level. Overall, the study shows that the constructivist approach has been applied in the teaching of Arabic speaking skills; however, there is still room for improvement, particularly in terms of active student involvement and collaborative learning activities. It is hoped that this study will provide guidance for Arabic language teachers in strengthening more student-centered teaching strategies to enhance students' mastery of speaking skills.*

#### PENGENALAN

Di Malaysia, bahasa Arab merupakan bahasa kedua atau bahasa ketiga yang perlu dipelajari setanding dengan bahasa Inggeris. Hal ini kerana bahasa Arab turut digunakan sebagai bahasa perdagangan, politik, dan hubungan diplomasi antara negara Malaysia dengan negara-negara Arab. Di samping itu, bahasa Arab tidak asing lagi dalam sistem pendidikan di Malaysia kerana bahasa Arab perlu dipelajari bermula dari bangku persekolahan sehingga ke menara gading. Menurut Ku Fatahiyah et al. (2014), kurikulum bahasa Arab diwujudkan di Malaysia bertujuan untuk memastikan keperluan semua penuntut ilmu di semua peringkat pengajian dapat dipenuhi tidak kira sama ada peringkat permulaan iaitu di sekolah mahupun di peringkat tertinggi iaitu di universiti. Walaupun bahasa Arab kini dianggap sebagai bahasa dunia, namun bahasa Arab masih dianggap asing kerana rata-rata pelajar kurang memberi penekanan terhadap pembelajaran bahasa Arab seperti bahasa Inggeris yang sah diiktiraf sebagai bahasa kedua dan bahasa pengantaraan yang sering diguna pakai dalam kehidupan seharian (Ismail, Wan Maizatul Akmar, & Azman, 2013).

Berlandaskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), kurikulum bahasa Arab menerapkan keperluan pelajar dalam menguasai kesemua elemen kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis selari dengan objektif yang digariskan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia (Ku Fatahiyah et al., 2014). Matlamat kurikulum bahasa Arab di peringkat sekolah menengah adalah untuk memperkukuhkan kebolehan dan kemahiran berbahasa pelajar agar mereka dapat berinteraksi dengan baik (KPM, 2015) serta melahirkan pelajar yang dapat mengaplikasikan ilmu pengetahuan dalam membentuk sahsiah diri melalui pengamalan nilai-nilai murni (KPM, 2018).

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mula diperkenalkan secara berperingkat di sekolah-sekolah menengah bermula pada tahun 2017 sebagai silibus baharu bagi menggantikan silibus lama, iaitu KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah). KBSM, yang dinamakan semula pada tahun 2003, telah lama diguna pakai dalam sistem pendidikan di Malaysia sejak tahun 1989 dan pada awalnya dikenali sebagai Kurikulum Baru Sekolah Menengah. Sementara itu, silibus KBD (Kurikulum Bersepadu Dini) mula dilaksanakan di sekolah-sekolah agama pada tahun 2015, meliputi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR)

(Husaini et al., 2018). Silibus pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, sama ada KSSM mahupun KBD, diwujudkan oleh pihak kementerian dengan tujuan untuk melahirkan pelajar yang seimbang dan harmonis dari segi intelek. Hal ini bertujuan untuk membentuk pelajar yang berfikiran kritis, kreatif dan inovatif melalui tunjang-tunjang seperti komunikasi, sains dan teknologi, keterampilan diri, perkembangan fizikal dan estetika, kemanusiaan, serta kerohanian, sikap dan nilai.

Silibus KSSM dan KBD memberikan keseimbangan kepada pelajar dalam penguasaan ilmu bahasa Arab. Selain itu, KSSM dan KBD juga turut menitik beratkan kepelbagaian kaedah pengajaran yang dilaksanakan oleh guru agar pelajar lebih termotivasi dalam pemerolehan ilmu di dalam kelas. Oleh itu, guru merupakan individu yang penting dalam memainkan peranan untuk menguruskan pelajar dalam penguasaan pembelajaran sendiri (McCombs & Miller, 2007). Ketidakberkesanan pedagogi yang diaplikasikan oleh guru dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) menyumbang kepada kesukaran pelajar untuk menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Arab. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak mampu menguasai kemahiran berbahasa dengan baik walaupun telah bergelar mahasiswa di pelbagai institusi pengajian, sama ada di dalam negara mahupun di luar negara, tanpa mengira usia dan tahap pendidikan (Masyitoh Yaacob & Kaseh Abu Bakar, 2018). Menurut Egan (1999), kemahiran bertutur merupakan nadi kepada pembelajaran bahasa kedua namun sering diabaikan dan dilupakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh hal yang demikian, penguasaan kemahiran bertutur sesuatu bahasa merupakan satu pencapaian kemahiran tertinggi dalam konteks pemerolehan bahasa (Asmah, 1989; Bailey, 2005; Masyitoh Yaacob & Kaseh Abu Bakar, 2018).

Teori Konstruktivisme yang diperkenalkan oleh ahli psikologi Rusia Lev Vygotsky merupakan satu teori pendidikan yang memberikan penekanan kepada pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar selain sering dijadikan panduan para guru ketika menyampaikan ilmu pengetahuan kepada para pelajar. Teori Konstruktivisme Vygotsky berteraskan interaksi sosial merupakan teori yang dikembangkan dari teori konstruktivisme Jean Piaget yang mula diperkenalkan pada tahun 1977. Menurut Khazriyati (2018), perkembangan positif hasil daripada interaksi sosial akan membantu proses pembelajaran bahasa.

Dalam pendidikan konstruktivis, terdapat beberapa perkara asas yang penting untuk diketahui iaitu ilmu pengetahuan dibina oleh para pelajar, setiap pelajar mempunyai ilmu asas berkaitan sesuatu bidang, proses pembinaan ilmu pengetahuan di dalam minda melibatkan aspek sosial dan guru berfungsi sebagai moderator dan fasilitator dalam membantu pelajar membina pengetahuan dan menyelesaikan masalah. Guru akan menyediakan bahan pembelajaran sesuai dengan pengetahuan pelajar serta menyediakan peluang kepada para pelajar untuk membina pengetahuan baharu. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan teori konstruktivisme merupakan satu alternatif yang baik dalam menjamin keaktifan pelajar dalam menerima sesuatu ilmu pengetahuan berlandaskan pengalaman sedia ada dan pengetahuan yang baharu. Oleh itu kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengajaran guru yang digunakan oleh guru dalam pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab berasaskan pembelajaran konstruktivisme di SMKA negeri Pulau Pinang.

## SOROTAN LITERATUR

Isu kemahiran bertutur (*maharah al-kalam*) bukanlah satu isu yang baharu dalam bidang bahasa Arab walhal ia acap kali diperbincangkan oleh para pendidik dan penyelidik seantero dunia semenjak sekian lama. Senario ini sebenarnya memberikan dampak yang positif iaitu membuka ruang perbincangan yang mendalam hingga ke akar umbi secara ilmiah dalam percambahan dan penjanaaan idea demi menambahbaik sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

Kemahiran bertutur ditakrifkan sebagai kebolehan pelajar dalam mentafsir dan menyampaikan maklumat, pendapat, dan idea yang kreatif secara verbal dengan sebutan dan lafaz yang betul dan tepat. Apabila kemahiran bertutur dapat dikuasai dengan baik, pelajar akan mampu berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling yang mampu bertutur dalam bahasa Arab serta dapat bertutur dengan masyarakat dari negara Arab dari seluruh pelosok dunia. Perkara ini merupakan matlamat pembelajaran bahasa Arab di Malaysia yang perlu dikecapi iaitu pelajar mampu menguasai elemen komunikasi bahasa Arab dengan baik.

Menurut Chomsky (1965), tahap tertinggi dalam kemahiran bertutur ialah kebolehan pelajar dalam membentuk ayat-ayat yang unggul dan sempurna. Selain itu, pelajar perlu berupaya membentuk bahasa berlandaskan konteks sosial, wacana, dan strategi yang tepat (Canale, 1983; Ta'imah, 2006). Misalnya, pelajar mengetahui masa yang sesuai untuk memulakan pertuturan, tajuk yang perlu diketengahkan, serta bagaimana untuk memulakan sesuatu ayat (Wolfson, 1983).

Oleh itu, pedagogi yang berkesan perlu diaplikasikan dalam bilik darjah agar dapat memberi impak yang positif serta memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai (Noraini & Shuki Osman, 2009). Pemilihan pendekatan pembelajaran yang sesuai dapat membantu merungkai permasalahan yang dihadapi pelajar untuk menguasai elemen kemahiran berbahasa (Manisah, 2000; Abdull Sukor & Azliza, 2013; Muhammad Suhaimi, Mohd Yusof, & Roslee Talip, 2014; Gamal Abdul Nasir, Salwa, & Aliff, 2015). Jika dilihat perkembangan dunia pendidikan era kini lebih tertumpu kepada pendekatan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) yang menekankan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar selain daripada pembelajaran berpusatkan guru. Oleh itu, guru dan pelajar perlu berusaha sehabis baik demi mendepani pelbagai perubahan terhadap pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

Sorotan kajian lampau jelas menunjukkan bahawa penguasaan para pelajar dalam penguasaan kemahiran bertutur berada pada tahap yang masih rendah (Nur Zawani et al. 2015; Masyitoh et al., 2018; Mohd Salihin Hafizi et al., 2020; Asma & Nursilah, 2020; Azman Che Mat et al., 2022). Menurut Rosni Samah (2009), kekerapan aktiviti praktis bahasa dalam kalangan pelajar perlu dipertingkatkan dalam pendekatan pengajaran agar penguasaan pelajar terhadap kemahiran bertutur dapat dicapai dengan lebih baik. Pendekatan pengajaran yang berkesan dapat membantu pelajar memahami sesuatu konteks bahasa serta meningkatkan kualiti dan pencapaian mereka dalam pembelajaran kemahiran bertutur.

Dalam pemerolehan bahasa, pendekatan pengajaran yang efisien, berkesan serta bersesuaian dengan keupayaan pelajar amat penting bagi memastikan objektif pembelajaran kemahiran bertutur dapat dicapai dengan berkesan. Menurut Al-Khreshheh et al. (2020), keberhasilan seorang pelajar dalam penguasaan bahasa asing perlulah mempunyai kemahiran bertutur yang baik kerana kemahiran bertutur merupakan satu kemahiran tertinggi dan sukar untuk dikuasai oleh individu bukan penutur jati sesuatu bahasa. Demi melestarikan hasrat ini, pendekatan pengajaran boleh diperhalusi lagi agar guru dapat menggunakan pendekatan yang bersesuaian dalam pengajaran bahasa Arab selari dengan PAK21 yang diperkenalkan oleh KPM. Menurut Nurul Afiqah & Harun (2021), kemahiran bertutur merupakan kemahiran berbahasa yang paling sukar untuk dikuasai oleh pelajar. Justeru, guru perlu mengaplikasikan kaedah pengajaran yang efektif dan menarik agar pelajar dapat menguasai kemahiran berbahasa dengan baik. Hal ini selari dengan falsafah pendidikan bagi pembelajaran abad ke-21 iaitu proses pembelajaran perlulah berpusatkan kepada pelajar berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika

Berdasarkan penelitian kajian lepas, kebanyakan guru mengamalkan pendekatan pengajaran tradisional (Rosni Samah, 2014; Azlin Ariffin & Muhamad Suhaimi Taat, 2020) seperti pendekatan nahu terjemahan (Mualimin & Amar, 2019) dan kaedah hafalan. Pendekatan pengajaran tradisional menunjukkan kelemahan yang ketara kerana pendekatan ini hanya menumpukan kepada menterjemah dan menghafal struktur kata dalam pertuturan bahasa Arab tanpa memahami konteks sesuatu ayat. Selain itu, beberapa kajian lalu giat dijalankan berkaitan dengan strategi kemahiran berbahasa berpusatkan guru secara teori semata-mata (Rosni Samah, 2014; Rosni Samah et al., 2020; Nurhidayati et al. 2021). Penguasaan kemahiran bertutur perlulah dipraktikkan secara amali yang berpusatkan kepada pelajar agar para pelajar dapat menguasai kemahiran tersebut bukan sekadar belajar teori dan berteraskan buku teks serta peperiksaan bertulis semata.

Utami (2016) mendapati bahawa amalan pendekatan pembelajaran berasaskan teori konstruktivisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dapat mendukung para pelajar dalam mendalami pembelajaran yang diajar oleh guru serta pelajar bergiat aktif melibatkan diri dalam sesi pengajaran dengan mempelajari konsep serta prinsip untuk diri mereka sendiri. Pengaplikasian teori ini dapat meningkatkan minat pelajar dalam mempelajari sesuatu ilmu (Adenan & Nazri, 2018; Muhammad Affan et al., 2022). Teori ini pada dasarnya memberikan kebebasan mutlak kepada para pelajar untuk menggali ilmu pengetahuan dan berpartisipasi secara langsung dan bergiat aktif di dalam proses

pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah berlandaskan pengalaman dan pengetahuan mereka sendiri.

Menurut kajian lepas, Fahed, Mohamad Rofian, Ahmad Rezdaudin, Mohd Salihin Hafizi, Khairul Anuar, Mohd Aminudin & Nur Fadhilah (2018) menemukan faktor ketidakupayaan pelajar bukan penutur jati menguasai bahasa Arab ialah kegagalan guru dalam memilih metode pengajaran dan pembelajaran yang tepat. Kajian ini juga bersetuju dengan kajian yang dijalankan oleh Ahmad Shafiq et al. (2017) bahawa guru-guru kurang menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) seperti teknologi dalam pedagogi pendidikan. Bukan itu sahaja, Kajian Zawawi Ismail et al. (2011) turut bersetuju bahawa antara faktor pelajar tidak menguasai bahasa Arab ialah kelemahan guru dalam mengaplikasikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan di dalam kelas.

Dapatan kajian Fahed et al. (2018) turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Mushir & Muhammad Azhar (2019). Fahed et al. (2018) menghuraikan di dalam kajiannya bahawa elemen pengajaran berkesan terbahagi kepada 4 perkara iaitu (1) kualiti pengajaran, (2) kesesuaian aras pengajaran, (3) insentif, dan (4) masa. Kualiti pengajaran bermaksud sejauh mana guru mampu menyampaikan maklumat yang tepat kepada pelajar dengan mempraktikkan pembelajaran yang efektif untuk menarik minat pelajar agar pelajar dalam belajar dengan mudah. Kesesuaian aras pengajaran bererti guru perlu menepati tahap kebolehan dan keupayaan pelajar. Insentif bermaksud tahap keupayaan guru memotivasikan pelajar.

Elemen masa pula menerangkan bahawa guru perlu menyampaikan maklumat kepada murid dengan berkesan mengikut kadar waktu yang bersesuaian dengan keupayaan pelajar. Justeru, guru memainkan peranan utama dalam memastikan pelajar dapat mempelajari sesuatu perkara dengan baik dan efisien serta bersesuaian dengan tahap kebolehan dan keupayaan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran guru bahasa Arab di negeri Pahang berada pada tahap sederhana. Terdapat aspek yang tidak dikuasai oleh guru bahasa Arab terutama melibatkan kualiti pengajaran merangkumi perancangan pengajaran, pengajaran secara teratur dan sistematik, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM), dan penerapan budaya berfikir.

Kajian oleh Hazrul Affendi (2020) menemukan bahawa peringkat penguasaan bahasa Arab para pelajar berada pada tahap yang lemah meskipun mereka telah didedahkan dengan bahasa Arab semenjak awal persekolahan. Hal ini disebabkan oleh faktor pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru-guru dalam proses PdP bahasa Arab kurang bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar. Walhal guru merupakan elemen utama dalam menentukan suatu proses PdP dapat berjalan dengan lancar serta dapat menarik minat para pelajar untuk belajar dengan baik. Oleh itu, pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan oleh guru-guru ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung mestilah sesuai dengan tahap keupayaan pelajar dan menarik minat pelajar agar pelajar dapat termotivasi lantas menguasai kemahiran bahasa Arab dengan baik.

Di samping itu, penyelidik turut menyatakan di dalam kajiannya bahawa elemen utama pengajaran berkesan bahasa Arab meliputi aspek latar belakang dan pengetahuan tenaga pengajar, objektif pembelajaran, modul, strategi, pendekatan, kaedah, dan teknik pengajaran. Oleh hal yang demikian, guru yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Arab ataupun mempunyai pengetahuan yang terbatas dalam bahasa Arab akan mengakibatkan pembelajaran bahasa Arab khususnya pengajaran aspek kemahiran bertutur akan menghadapi kesukaran yang serius.

Berdasarkan tinjauan yang dijalankan oleh penyelidik terhadap kajian-kajian lepas didapati bahawa pendekatan pengajaran yang diaplikasikan oleh guru-guru semasa sesi PdP bahasa Arab menunjukkan respon yang positif terhadap pelajar meskipun kajian lepas turut menemukan guru-guru tidak mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang berkesan terhadap para pelajar. Sungguhpun begitu, masalah penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab masih berlaku. Justeru, kajian ini dijalankan oleh penyelidik untuk menambah baik pendekatan pengajaran sedia ada dengan mengetengahkan teori pembelajaran konstruktivisme dalam pedagogi bahasa Arab khususnya kemahiran bertutur.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan melibatkan 20 orang guru bahasa Arab dari empat buah SMKA di negeri Pulau Pinang. Instrumen kajian ini berbentuk soal selidik dan dibangunkan melalui proses adaptasi serta pengubahsuaian daripada beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan kemahiran bertutur bahasa Arab dan pendekatan konstruktivisme. Item-item soal selidik telah diadaptasi daripada kajian Muhammad Faris dan Abdul Salam (2023), Mohd Sofar (2023), Sugirma et al. (2024), Tjabaka (2022), Rufaiqoh et al. (2023) dan Alwan (2024). Proses pengubahsuaian dilakukan bagi memastikan kesesuaian item dengan konteks kajian yang memfokuskan amalan pengajaran guru bahasa Arab dalam pembelajaran kemahiran bertutur berasaskan konstruktivisme di SMKA negeri Pulau Pinang. Instrumen akhir mengandungi 19 item yang merangkumi empat konstruk utama iaitu (a) interaksi sosial, (b) simulasi dan main peranan, (c) penilaian rakan sebaya dan refleksi sendiri serta (d) tugas autentik dan agensi pelajar. Kesemua konstruk tersebut dibina berdasarkan prinsip-prinsip pembelajaran konstruktivisme yang menekankan penglibatan aktif pelajar dalam pembinaan pengetahuan.

Seterusnya, data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS V30 secara deskriptif menggunakan peratusan, nilai min dan sisihan piawai. Penganalisisan ini bertujuan untuk merumuskan respons sampel kajian terhadap setiap item dalam gagasan kajian. Selain itu, hasil analisis akan memberikan gambaran keseluruhan yang jelas terhadap amalan pengajaran guru bahasa Arab dalam pembelajaran kemahiran bertutur di dalam kelas. Dapatan daripada kajian ini akan menyumbang kepada guru-guru untuk menetapkan pedagogi yang bersesuaian agar permasalahan penguasaan kemahiran bertutur dapat diselesaikan.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Seramai 20 orang guru bahasa Arab telah terlibat secara langsung di dalam kajian ini. Hasil analisis dapatan kajian bagi amalan pengajaran guru dalam pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di SMKA berasaskan pembelajaran konstruktivisme berpandukan empat gagasan iaitu (1) interaksi sosial dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab, (2) penggunaan simulasi dan main peranan dalam PdPc, (3) penilaian rakan sebaya dan refleksi sendiri, dan (4) tugas autentik dan agensi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

### Interaksi Sosial dalam Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab

Jadual berikut melaporkan interaksi sosial dalam pengajaran kemahiran bertutur BA. Analisis ini menekankan tahap pelaksanaan aktiviti yang memupuk interaksi murid secara kolaboratif.

Berdasarkan Jadual 1, item 1 iaitu "*Aktiviti soal jawab antara murid dimasukkan dalam sesi pengajaran lisan*" mencatat nilai purata min tertinggi iaitu 3.8 (SP = 1.06), yang menunjukkan tahap pelaksanaan yang tinggi. Majoriti guru iaitu seramai 7 orang (35%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kadang-kadang, diikuti 6 orang (30%) pada tahap kerap dan 6 orang (30%) pada tahap sangat kerap, manakala hanya 1 orang (5%) menyatakan tidak pasti. Tiada guru yang melaporkan jarang melaksanakan aktiviti ini dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

Seterusnya, item 2 iaitu "*Murid terlibat dalam pembentangan lisan secara individu atau berkumpulan*" mencatat purata min 3.7 (SP = 0.80) yang menunjukkan tahap pelaksanaan sederhana tinggi. Majoriti guru seramai 9 orang (45%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kerap, diikuti 7 orang (35%) pada tahap kadang-kadang dan 3 orang (15%) pada tahap sangat kerap. Selain itu, hanya 1 orang (5%) guru yang jarang melaksanakan aktiviti pembentangan lisan dalam pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

**Jadual 1:** Kaedah Interaksi Sosial dalam Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab

No.	Soalan	Skala	Kekerapan	Peratus %	Min	Sisihan Piawai
1	Aktiviti soal jawab antara murid dimasukkan dalam sesi pengajaran lisan.	Tidak Pasti	1	5.0	3.8	1.06
		Jarang	0	0		
		Kadang-kadang	7	35.0		
		Kerap	6	30.0		
		Sangat Kerap	6	30.0		
2	Murid terlibat dalam pembentangan lisan secara individu atau berkumpulan.	Tidak Pasti	0	0	3.7	0.80
		Jarang	1	5.0		
		Kadang-kadang	7	35.0		
		Kerap	9	45.0		
		Sangat Kerap	3	15.0		
	<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>			
3	Saya menggunakan aktiviti perbincangan kumpulan kecil untuk menggalakkan murid bertutur.	Tidak Pasti	0	0	3.5	0.76
		Jarang	1	5.0		
		Kadang-kadang	11	55.0		
		Kerap	6	30.0		
		Sangat Kerap	2	10.0		
	<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>			
4	Aktiviti membina dialog secara kolaboratif dilakukan dalam pengajaran saya.	Tidak Pasti	0	0	3.2	0.89
		Jarang	4	20.0		
		Kadang-kadang	10	50.0		
		Kerap	4	20.0		
		Sangat Kerap	2	10.0		
	<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>			
5	Saya beri peluang kepada murid menilai persembahan lisan rakan mereka.	Tidak Pasti	1	5.0	3.1	0.76
		Jarang	1	5.0		
		Kadang-kadang	15	75.0		
		Kerap	2	10.0		
		Sangat Kerap	1	5.0		
	<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>			
6	Saya menggalakkan murid menyelesaikan masalah secara lisan dalam kumpulan.	Tidak Pasti	2	10.0	3.0	0.92
		Jarang	1	5.0		
		Kadang-kadang	13	65.0		
		Kerap	3	15.0		
		Sangat Kerap	1	5.0		
	<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>			

Bagi item 3 iaitu “*Saya menggunakan aktiviti perbincangan kumpulan kecil untuk menggalakkan murid bertutur*”, nilai purata min yang dicatat ialah 3.5 (SP = 0.76), menunjukkan tahap pelaksanaan yang sederhana. Majoriti guru seramai 11 orang (55%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kadang-kadang, diikuti 6 orang (30%) pada tahap kerap dan 2 orang (10%) pada tahap sangat kerap, manakala 1 orang (5%) jarang melaksanakannya. Tiada guru yang menyatakan tidak pasti atau tidak pernah melaksanakan aktiviti ini.

Seterusnya, item 4 iaitu “*Aktiviti membina dialog secara kolaboratif dilakukan dalam pengajaran saya*” mencatat purata min 3.2 (SP = 0.89) yang menunjukkan tahap pelaksanaan sederhana. Majoriti guru seramai 10 orang (50%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kadang-kadang, diikuti 4 orang (20%) pada tahap kerap dan 2 orang (10%) pada tahap sangat kerap, manakala 4 orang (20%) melaporkan jarang melaksanakan aktiviti membina dialog secara kolaboratif dalam pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

Item 5 iaitu “*Saya beri peluang kepada murid menilai persembahan lisan rakan mereka*” mencatat purata min 3.1 (SP = 0.76) yang juga menunjukkan tahap pelaksanaan sederhana. Majoriti guru seramai 15 orang (75%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kadang-kadang. Selain itu, 2 orang (10%) melaksanakannya pada tahap kerap, seorang (5%) pada tahap sangat kerap dan seorang (5%) pada tahap jarang, manakala seorang lagi (5%) menyatakan tidak pasti.

Akhir sekali, item 6 iaitu “*Saya menggalakkan murid menyelesaikan masalah secara lisan dalam kumpulan*” mencatat purata min terendah iaitu 3.0 (SP = 0.92), yang menunjukkan tahap pelaksanaan sederhana. Majoriti guru seramai 13 orang (65%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kadang-kadang, diikuti 3 orang (15%) pada tahap kerap dan seorang (5%) pada tahap sangat kerap. Sementara itu, seorang (5%) guru jarang melaksanakan aktiviti ini dan dua orang (10%) menyatakan tidak pasti.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru lebih cenderung melaksanakan aktiviti soal jawab antara murid serta pembentangan lisan dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab. Walau bagaimanapun, aktiviti yang melibatkan elemen kolaboratif seperti perbincangan kumpulan kecil, pembinaan dialog secara kolaboratif dan penyelesaian masalah secara lisan masih dilaksanakan pada tahap sederhana dan kebanyakannya hanya pada tahap kadang-kadang. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan kolaboratif yang menekankan interaksi sosial dalam kalangan murid masih belum diamalkan secara konsisten. Walaupun begitu, kewujudan aktiviti tersebut dalam pengajaran guru memperlihatkan bahawa elemen konstruktivisme, khususnya interaksi sosial, masih wujud dalam pelaksanaan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di SMKA negeri Pulau Pinang.

### Penggunaan Simulasi dan Main Peranan dalam PdPc

Jadual 2 membentangkan dapatan kajian berkaitan penggunaan simulasi dan main peranan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

Berdasarkan Jadual 2, item 1 iaitu “*Saya melaksanakan main peranan (role-play) dalam sesi pengajaran bertutur*” mencatat nilai purata min 3.3 (SP = 0.73) yang menunjukkan tahap pelaksanaan sederhana tinggi. Majoriti guru seramai 11 orang (55%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kadang-kadang, diikuti 6 orang (30%) pada tahap kerap dan seorang (5%) pada tahap sangat kerap. Sementara itu, 2 orang guru (10%) melaporkan jarang melaksanakan aktiviti ini dalam PdPc. Tiada guru yang menyatakan tidak pasti terhadap pelaksanaan aktiviti ini dalam pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

Item 2 iaitu “*Saya menggunakan simulasi situasi kehidupan sebenar dalam aktiviti bertutur*” turut mencatat purata min 3.3 (SP = 0.73) yang menunjukkan tahap pelaksanaan sederhana tinggi. Majoriti guru seramai 14 orang (70%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kadang-kadang, diikuti 3 orang (15%) pada tahap kerap dan 2 orang (10%) pada tahap sangat kerap, manakala hanya seorang (5%) guru jarang melaksanakan aktiviti simulasi tersebut dalam pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

**Jadual 2:** Kaedah Simulasi dan Main Peranan dalam PdPc

No.	Soalan	Skala	Kekerapan	Peratus %	Min	Sisihan Piawai
1	Saya melaksanakan main peranan ( <i>role-play</i> ) dalam sesi pengajaran bertutur.	Tidak Pasti	0	0	3.3	0.73
		Jarang	2	10.0		
		Kadang-kadang	11	55.0		
		Kerap	6	30.0		
		Sangat Kerap	1	5.0		
		<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>		
2	Saya menggunakan simulasi situasi kehidupan sebenar dalam aktiviti bertutur.	Tidak Pasti	0	0	3.3	0.73
		Jarang	1	5.0		
		Kadang-kadang	14	70.0		
		Kerap	3	15.0		
		Sangat Kerap	2	10.0		
		<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>		
3	Permainan bahasa ( <i>language games</i> ) digunakan untuk merangsang komunikasi murid.	Tidak Pasti	1	5.0	3.3	1.02
		Jarang	2	10.0		
		Kadang-kadang	11	55.0		
		Kerap	3	15.0		
		Sangat Kerap	3	15.0		
4		Tidak Pasti	0	0.0	3.2	0.93
		Jarang	5	25.0		

	Aktiviti lakonan pendek sering digunakan bagi membina keyakinan murid bertutur.	Kadang-kadang	9	45.0		
		Kerap	4	20.0		
		Sangat Kerap	2	10.0		
		<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>		
5	Saya meminta murid bercerita ( <i>storytelling</i> ) berdasarkan pengalaman sendiri.	Tidak Pasti	3	15.0	2.6	1.0
		Jarang	6	30.0		
		Kadang-kadang	9	45.0		
		Kerap	1	5.0		
		Sangat Kerap	1	5.0		
		<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>		
6	Saya menggunakan debat sebagai strategi mengasah hujah dan kemahiran bertutur.	Tidak Pasti	6	30.0	2.4	1.27
		Jarang	6	30.0		
		Kadang-kadang	5	25.0		
		Kerap	1	5.0		
		Sangat Kerap	2	10.0		
		<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>		
7	Aktiviti pentas mini atau forum dijalankan dalam kelas saya.	Tidak Pasti	6	30.0	2.0	0.97
		Jarang	10	50.0		
		Kadang-kadang	3	15.0		
		Kerap	0	0		
		Sangat Kerap	1	5.0		
		<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>		

Seterusnya, item 3 iaitu "*Permainan bahasa (language games) digunakan untuk merangsang komunikasi murid*" mencatat purata min 3.3 (SP = 1.02), yang juga menunjukkan tahap pelaksanaan sederhana tinggi. Majoriti guru seramai 11 orang (55%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kadang-kadang. Selain itu, 3 orang (15%) melaporkan pelaksanaan pada tahap kerap dan 3 orang (15%) pada tahap sangat kerap, manakala 2 orang (10%) menyatakan jarang melaksanakan aktiviti ini. Seorang guru (5%) menyatakan tidak pasti terhadap pelaksanaan aktiviti ini.

Item 4 iaitu "*Aktiviti lakonan pendek sering digunakan bagi membina keyakinan murid bertutur*" mencatat nilai purata min 3.2 (SP = 0.93), yang menunjukkan tahap pelaksanaan sederhana. Majoriti guru seramai 9 orang (45%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kadang-kadang, diikuti 4 orang (20%) pada tahap kerap dan 2 orang (10%) pada tahap sangat kerap. Selain itu, 5 orang guru (25%) menyatakan mereka jarang melaksanakan aktiviti lakonan pendek dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

Item 5 iaitu "*Saya meminta murid bercerita (storytelling) berdasarkan pengalaman sendiri*" mencatat purata min 2.6 (SP = 1.00) yang menunjukkan tahap pelaksanaan sederhana rendah. Majoriti guru seramai 9 orang (45%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kadang-kadang, manakala 6 orang (30%) melaporkan jarang melaksanakannya. Selain itu, seorang guru (5%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kerap dan seorang lagi (5%) pada tahap sangat kerap, manakala 3 orang (15%) menyatakan tidak pasti terhadap pelaksanaannya.

Seterusnya, item 6 iaitu "*Saya menggunakan debat sebagai strategi mengasah hujah dan kemahiran bertutur*" mencatat purata min 2.4 (SP = 1.27), menunjukkan tahap pelaksanaan yang rendah. Majoriti guru seramai 6 orang (30%) jarang menggunakan aktiviti ini dan 6 orang (30%) menyatakan tidak pasti terhadap pelaksanaannya. Selain itu, 5 orang (25%) melaporkan penggunaan pada tahap kadang-kadang, manakala hanya seorang (5%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kerap dan 2 orang (10%) pada tahap sangat kerap.

Item terakhir ialah item 7 iaitu "*Aktiviti pentas mini atau forum dijalankan dalam kelas saya*" yang mencatat purata min terendah iaitu 2.0 (SP = 0.97), menunjukkan tahap pelaksanaan yang rendah. Majoriti guru seramai 10 orang (50%) jarang melaksanakan aktiviti ini, manakala 6 orang (30%) menyatakan tidak pasti terhadap pelaksanaannya. Selain itu, hanya 3 orang (15%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kadang-kadang dan seorang (5%) pada tahap sangat kerap. Tiada guru melaporkan pelaksanaan pada tahap kerap.

Dapatan kajian lepas menemukan bahawa majoriti responden lebih 50 orang daripada 72 (>69%) menunjukkan penguasaan yang baik terhadap penguasaan bahasa Arab yang dapat dilihat melalui aktiviti *role play* semasa sesi PdPc (Zakaria & Muhammad Nawawi, 2024). Bukan itu sahaja, menurut Sufiahana dan Faridah (2025), aktiviti *role play* juga terbukti dapat meningkatkan kemahiran sosioemosi secara signifikan. Kemahiran sosioemosi sangat berkait rapat dengan penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab kerana pelajar yang mempunyai sosioemosi yang baik akan lebih berani untuk bertutur dalam bahasa Arab sekaligus mewujudkan interaksi aktif dalam sesi pembelajaran.

Di samping itu, aktiviti pentas mini atau forum didapati kurang dilaksanakan dalam konteks pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab kerana dapatan menunjukkan 80% guru melaporkan jarang atau tidak pernah melaksanakan aktiviti tersebut. Selain itu, aktiviti *storytelling* pula menunjukkan 45% guru melaksanakannya secara kadang-kadang. Peratusan ini jelas menunjukkan bahawa guru cenderung memilih aktiviti simulasi main peranan (*role play*) kerana aktiviti simulasi mudah untuk dikendalikan dan lebih menjimatkan masa, manakala dapatan menunjukkan aktiviti yang memerlukan perancangan yang mendalam dan masa tambahan dari aspek persediaan dan pelaksanaan kurang diberikan penekanan dan tumpuan.

### Penilaian Rakan Sebaya dan Refleksi Kendiri

Jadual 3 menerangkan dapatan kajian berkaitan kekerapan kaedah penilaian rakan sebaya dan refleksi sendiri yang dilaksanakan dalam pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

**Jadual 3:** Kaedah Penilaian Rakan Sebaya dan Refleksi Kendiri

No.	Soalan	Skala	Kekerapan	Peratus %	Min	Sisihan Piawai
1	Saya beri peluang kepada murid menilai persembahan lisan rakan mereka.	Tidak Pasti	1	5.0	3.1	0.76
		Jarang	1	5.0		
		Kadang-kadang	15	75.0		
		Kerap	2	10.0		
		Sangat Kerap	1	5.0		
		<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>		
2	Murid diminta membuat refleksi lisan selepas aktiviti bertutur.	Tidak Pasti	2	10.0	2.8	0.85
		Jarang	3	15.0		
		Kadang-kadang	14	70.0		
		Kerap	0	0		
		Sangat Kerap	1	5.0		
		<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>		

Berpandukan Jadual 3, item 1 iaitu "Saya beri peluang kepada murid menilai persembahan lisan rakan mereka" mencatatkan purata min 3.1 (SP = 0.76) yang menunjukkan tahap amalan yang sederhana. Majoriti responden iaitu seramai 15 orang (75%) menyatakan kadang-kadang melaksanakan penilaian rakan sebaya dalam aktiviti persembahan lisan. Selain itu, hanya 2 orang (10%) menyatakan kerap melaksanakan kaedah ini, manakala 1 orang (5%) melaporkan amalan tersebut dilakukan pada tahap sangat kerap. Selebihnya menunjukkan tahap pelaksanaan yang rendah iaitu jarang dan tidak pernah masing-masing sebanyak 1 orang (5%).

Seterusnya ialah item 2 iaitu "Murid diminta membuat refleksi lisan selepas aktiviti bertutur" mencatatkan purata nilai min 2.8 (SP = 0.85) yang melaporkan bahawa refleksi lisan berada pada tahap sederhana rendah. Majoriti guru seramai 14 orang (70%) melaporkan bahawa refleksi lisan dilaksanakan pada tahap kadang-kadang. Namun demikian, hanya 1 orang guru (5%) melaksanakannya pada tahap sangat kerap, manakala tiada guru melaporkan pelaksanaan pada tahap kerap. Seramai 3 orang guru (15%) menyatakan amalan ini jarang dilaksanakan dan hanya 2 orang guru (10%) menyatakan amalan ini tidak pernah dilaksanakan.

Gagasan penilai rakan sebaya dan refleksi sendiri menunjukkan pelaksanaan yang sederhana rendah. Meskipun guru-guru sedar akan kepentingan refleksi sendiri dan penilaian rakan sebaya dalam pembelajaran terutama dalam elemen pembelajaran konstruktivisme, namun majoriti guru belum berjaya mengintegrasikannya secara sistematik. Perkara ini perlu dipandang serius kerana

kajian dari Purwanto (2025) menemukan bahawa kesedaran metakognitif termasuk amalan refleksi sendiri dan penilaian rakan sebaya yang tinggi berkait rapat dengan peningkatan kemahiran bertutur bahasa Arab. Ketiadaan refleksi sendiri secara kritikal boleh meletakkan limitasi terhadap perkembangan metakognitif pelajar sekaligus menjejaskan keberkesanan pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

### Tugasan Autentik dan Agensi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab

Jadual 4 menunjukkan dapatan kajian berkaitan penggunaan tugasan autentik dan penglibatan agensi pelajar dalam pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab.

Dapatan kajian menunjukkan tahap pelaksanaan tugasan autentik dan penglibatan agensi pelajar dalam pembelajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab adalah berbeza mengikut item yang dikaji.

Bagi item yang mendapat skor purata min tertinggi, iaitu Item 1, iaitu “Saya menggunakan gambar, video atau bahan visual sebagai pencetus perbualan”, purata min adalah 3.7 dengan sisihan piawai (SP) 0.76, menunjukkan tahap pelaksanaan yang tinggi. Majoriti guru (10 orang, 50%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kadang-kadang, diikuti 7 orang (35%) pada tahap kerap dan 3 orang (15%) pada tahap sangat kerap. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru secara konsisten menggunakan bahan visual sebagai medium untuk mencetuskan perbualan, dan tiada guru yang melaporkan jarang atau tidak pernah melaksanakan aktiviti ini.

**Jadual 4:** Kaedah Tugasan Autentik dan Agensi Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab

No.	Soalan	Skala	Kekerapan	Peratus %	Min	Sisihan Piawai
1	Saya menggunakan gambar, video atau bahan visual sebagai pencetus perbualan.	Tidak Pasti	0	0	3.7	0.76
		Jarang	0	0		
		Kadang-kadang	10	50.0		
		Kerap	7	35.0		
		Sangat Kerap	3	15.0		
		<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>		
2	Saya galakkan murid mencipta skrip mereka sendiri untuk persembahan lisan.	Tidak Pasti	0	0	3.3	0.72
		Jarang	2	10.0		
		Kadang-kadang	12	60.0		
		Kerap	5	25.0		
		Sangat Kerap	1	5.0		
		<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>		
3	Murid diberi pilihan dalam memilih bentuk lisan dengan isu semasa atau kehidupan harian murid.	Tidak Pasti	1	5.0	2.9	1.02
		Jarang	6	30.0		
		Kadang-kadang	9	45.0		
		Kerap	2	10.0		
		Sangat Kerap	2	10.0		
		<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>		
4	Saya menghubungkan tema pengajaran lisan dengan isu semasa atau kehidupan harian murid	Tidak Pasti	1	5.0	2.9	1.02
		Jarang	6	30.0		
		Kadang-kadang	9	45.0		
		Kerap	2	10.0		
		Sangat Kerap	2	10.0		
		<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>		
5	Saya galakkan murid membuat temu ramah ( <i>interview</i> ) sesama mereka dalam tugasan.	Tidak Pasti	2	10.0	2.8	1.11
		Jarang	6	30.0		
		Kadang-kadang	8	40.0		
		Kerap	2	10.0		
		Sangat Kerap	2	10.0		
		<b>Total</b>	<b>20</b>	<b>100.0</b>		

Seterusnya skor purata min kedua tertinggi iaitu Item 2, “Saya galakkan murid mencipta skrip mereka sendiri untuk persembahan lisan”, purata min adalah 3.3 (SP = 0.72), menunjukkan tahap pelaksanaan

sederhana tinggi. Kebanyakan guru (12 orang, 60%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kadang-kadang, diikuti 5 orang (25%) pada tahap kerap dan seorang guru (5%) pada tahap sangat kerap. Hanya 2 orang (10%) melaporkan jarang melaksanakan aktiviti ini, dan tiada guru yang menyatakan tidak pernah melaksanakan. Ini menunjukkan guru memberikan peluang kepada murid untuk menghasilkan skrip sendiri, tetapi pelaksanaannya masih berada pada tahap sederhana tinggi.

Item 3, iaitu "Saya menghubungkan tema pengajaran lisan dengan isu semasa atau kehidupan harian murid", mencatat purata min 3.1 (SP = 0.83), menunjukkan tahap pelaksanaan sederhana. Majoriti guru (10 orang, 50%) melaporkan pelaksanaan pada tahap kadang-kadang, 4 orang (20%) pada tahap kerap, seorang guru (5%) pada tahap sangat kerap, manakala 5 orang (25%) menyatakan tidak pernah melaksanakan aktiviti ini. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun sebahagian guru cuba mengaitkan pengajaran dengan konteks sebenar kehidupan murid, masih terdapat bilangan guru yang belum mengamalkan pendekatan ini secara konsisten.

Bagi Item 4, "Saya galakkan murid membuat temu ramah (interview) sesama mereka dalam tugas", purata min adalah 2.8 (SP = 1.11), menunjukkan tahap pelaksanaan sederhana. Majoriti guru (8 orang, 40%) melaksanakan aktiviti ini pada tahap kadang-kadang, 2 orang (10%) pada tahap kerap, dan 2 orang (10%) pada tahap sangat kerap. Selain itu, 6 orang (30%) melaporkan jarang melaksanakan dan 2 orang (10%) menyatakan tidak pernah melaksanakan aktiviti ini. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan aktiviti temu ramah masih kurang konsisten, dan guru menghadapi cabaran dalam menggalakkan murid melakukan aktiviti berasaskan interaksi ini secara aktif.

Bagi Item 5, "Murid diberi pilihan dalam memilih bentuk lisan dengan isu semasa atau kehidupan harian murid", purata min adalah 2.9 (SP = 1.02), menunjukkan tahap pelaksanaan sederhana. Majoriti guru (9 orang, 45%) melaporkan kadang-kadang melaksanakan aktiviti ini, diikuti 2 orang (10%) pada tahap kerap dan 2 orang (10%) pada tahap sangat kerap, manakala 6 orang (30%) melaporkan jarang dan seorang guru (5%) tidak pernah melaksanakan. Dapatan ini mencerminkan bahawa guru memberi kebebasan tertentu kepada murid untuk memilih bentuk tugas, tetapi pelaksanaannya masih tidak konsisten dan memerlukan penambahbaikan.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahan visual sebagai pencetus perbualan adalah aktiviti yang paling konsisten dilaksanakan, manakala aktiviti yang memberi pilihan kepada murid dan menggalakkan interaksi melalui temu ramah berada pada tahap pelaksanaan sederhana dan menunjukkan variasi yang lebih besar di kalangan guru. Ini menggambarkan bahawa walaupun guru mengamalkan tugas autentik, tahap penglibatan dan penguatkuasaan agensi pelajar masih berbeza mengikut jenis aktiviti yang dijalankan.

Dapatan di atas jelas menunjukkan bahawa meskipun guru memberi ruang kepada agensi pelajar, namun kebebasan pelajar masih terhad dan tidak menyeluruh. Penelitian yang dijalankan oleh Ng (2024) yang menegaskan bahawa apabila guru memberi ruang kepada agensi pelajar, pelajar bukan lagi pelaku pasif dalam pembentukan pembelajaran dan pembangunan kemahiran berbahasa yang memberi kesan kepada motivasi, kreativiti, dan autonomi pelajar dalam konteks pembelajaran kemahiran bertutur bahasa Arab pelajar. Pendekatan ini selari dengan prinsip konstruktivisme yang mengutamakan penglibatan pelajar secara aktif dalam interaksi sosial, refleksi sendiri dan tugas autentik sebagai medium pembelajaran yang berkesan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru bahasa Arab dalam pembelajaran kemahiran bertutur berasaskan pendekatan konstruktivisme di SMKA negeri Pulau Pinang berada pada tahap sederhana hingga tinggi. Guru didapati telah mengaplikasikan beberapa elemen konstruktivisme seperti interaksi sosial, aktiviti soal jawab, pembentangan lisan serta penggunaan bahan visual dalam pengajaran. Namun demikian, pelaksanaan aktiviti yang lebih menekankan kolaborasi, refleksi sendiri serta strategi komunikasi yang lebih kompleks seperti debat dan forum masih berada pada tahap sederhana dan memerlukan penambahbaikan. Dapatan ini memberikan implikasi bahawa pengukuhan pendekatan pedagogi yang lebih berpusatkan pelajar adalah penting bagi meningkatkan penguasaan kemahiran bertutur bahasa Arab. Kajian lanjutan disarankan melibatkan sampel yang lebih besar serta menggunakan pendekatan kaedah campuran atau reka bentuk eksperimen bagi menilai keberkesanan strategi pengajaran konstruktivisme secara

lebih mendalam dalam konteks pembelajaran bahasa Arab. Kajian berbentuk eksperimen juga boleh dijalankan bagi menilai keberkesanan strategi pengajaran tertentu seperti simulasi komunikasi, role play dan tugas autentik dalam meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar.

### **PENGHARGAAN**

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kajian ini, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Sokongan dan sumbangan semua yang terlibat amatlah dihargai.

### **KONFLIK KEPENTINGAN**

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dalam kajian ini.

### **KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN KAJIAN**

Data yang digunakan dan dianalisis dalam kajian ini tidak tersedia secara umum, namun boleh diperoleh daripada penulis koresponden atas permintaan yang munasabah.

### **PERAKUAN PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN GENERATIF**

Tidak berkenaan

### **PERNYATAAN ETIKA**

Tidak berkenaan

### **RUJUKAN**

- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Metzger, S. A., & Paxton, R. J. (2016). Gaming history: A framework for what video games teach about the past. *Theory and Research in Social Education, 44*(4), 532–564.
- Abdull Sukor Shaari & Azliza Din. (2013). Pelaksanaan Aktiviti Komunikatif Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah : Satu Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal- MyLEj), 3*, 64-78.
- Adenan Ayob & Nazri Abu Bakar. (2018). Interpretasi Hubungan Pembelajaran Terarah Kendiri dengan Kebolehpapaian Kognitif Berasaskan Fahaman Konstruktivis. *International Journal of Education, Psychology, and Counseling, 3*(10), 75-87.
- Ahmad Shafiq Mat Razali, Muhammad Haron Husaini, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Diyak Ullahman Mat Saad, Syafiqah Mohd Haron, Nur Hanani Hussin, & Mohd Khamal Md Daud. (2017). Skills and Preparation of Arabic Language Teacher Against Usage Teaching Aids. *JURNAL SULTAN ALAUDDIN SULAIMAN SHAH, 4*(2), 120-126.
- Al-khreshah, Mohammad H., Ahmad Khaerurrozikin, & Abdul Hafidz Zaid. (2020). The Efficiency of Using Pictures in Teaching Speaking Skills of Non-native Arabic Beginner Students. *Universal Journal of Educational Research, 8*(3), 872-878.
- Alwan, D.A. (2024). Investigating the impact of a constructivist teaching approach on Iraqi EFL students' performance. *International Journal of Advanced Academic Studies*.

- Asma Abdul Rahman & Nursilah Ahmad. (2020). Pembinaan Model Kemahiran Bertutur Bahasa Arab" MGG@ TfModKTBa@ INNOV" Di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. *Jurnal Kesidang*.
- Asmah Haji Omar. (1989). *Pengajaran Bahasa untuk Kemahiran Berkomunikasi: Pendekatan Wacana*. Dlm. *Asmah Haji Omar (Eds). Kaedah Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlin Ariffin @ Riffin & Muhammad Suhami Taat. (2020). Penguasaan Bahasa Arab: Hubungannya Dengan Sikap Murid dan Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(3), 13-23.
- Azman Che Mat, Ahmad Zulfadhli Nokman, Nor Shaifura Musilehat, & Ahmad Fakrulazizi Abu. (2022). Amalan Strategi Mendengar dan Bertutur Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar. *Akademika*, 92(3), 133-148.
- Bailey, K. (2005). *Speaking*. New York: Mcgraw-Hill.
- Canale, M. (1983). Communicative Competence to Communicative Language Pedagogy. In J. C. Richards & R. W. Schmidt (Eds.), *Language and communication*. Longman.
- Chomsky, N. (1965). *Aspects of the theory of syntax*. The Hague: The M.I.T Press.
- Egan, K. B. (1999). Speaking: A Critical Skill and a Challenge. *CALICO Journal*, 16(3), 277-294.
- Fahed Maromar, Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Rezdaudin Ghazali, Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi, Khairul Anuar Abu Othman, Mohd Aminudin Ab Rahman & Nur Fadilah Abdul Basit. (2018). Teknik Meningkatkan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab dalam Kalangan Bukan Penutur Jati di IPTS dan IPG. *5th INTERNATIONAL RESEARCH MANAGEMENT & INNOVATION CONFERENCE (5th IRMIC 2018)*, 1-18.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria, Salwa Mahalle, & Aliff Nawati. (2015). . Kajian Amalan Pengajaran Guru Bahasa Arab Sekolah Menengah d Negara Brunei Darussalam. *The Online Journal Of Islamic Education*, 3(1), 32-40.
- Hazrul Affendi Mohamad Razali. (2020). Elemen Pengajaran Berkesan Bahasa Arab. *Journal of Asian Islamic Higher Institutions (JAIHI)*, 5, 1-11.
- Husaini, M. H., Yusoh, A. M., Mat Ali, A., Mohd Pisol, M. I., Mat Razali, A. S., Mat Saad, D. U., Aziz, M. B., & Rani, J. (2018). Kurikulum Bersepadu Dini : Pelaksanaan dan cabaran. *4th International Conference on Islamiyyat Studies 2018*, 913–921.
- Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad & Azman Che Mat. (2013). Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program j-QAF. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(2), 81-97.
- KPM [Kementerian Pendidikan Malaysia]. (2015). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Arab Tingkatan 1. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- KPM [Kementerian Pendidikan Malaysia]. (2018). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Arab Tingkatan 3. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khazriyati Salehuddin. (2018). *Psikolinguistik: penerokaan minda berlandaskan bahasa*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Awatif Abd Rahman & Hairun Najuwah Jamali. (2014). Tahap Kemahiran Asas Bahasa Arab di IPT Malaysia. *GSE E-Journal of Education*, 1(2), 20-32.
- Manisah Mohd Nor. (2000). *Penggunaan al-Damāir dalam Karangan*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Masyitoh Yaacob & Kaseh Abu Bakar. (2018). Tinjauan Literatur Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab. *International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*, 1(2), 15-25.

- Masyitoh Yaacob, Firuz Akhtar Mohamad Bohari & Kaseh Abu Bakari. (2018). Kecekapan Bertutur Bahasa Arab dan Pendekatan Pengajaran Berpusatkan Pelajar Beserta Elemen Coaching dan Mentoring. *AJTLHE*, 10(2), 28-44.
- McCombs, B.L & Miller, L. (2007). Learner-centered classroom practices and assessments: maximizing student motivation, learning, and Brain development and play. In J. Moyles, *The Excellent of Play, 4th Edition*, (pp. 25-34). New York: Open University Press.
- Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Fahed Maromar, Mohamad Rofian Bin Ismail, & Ahmad Rezdaudin Bin Ghazali. (2020). Permasalahan Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar bukan Penutur Jati: Satu kajian di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). In *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2020)*, 102-109.
- Mohd Sofar, N. A. R. (2023). Level of Mastery of Arabic Language Communication Skills among Students in Religious Secondary Schools in Kuala Muda District, Kedah Darul Aman. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 4(2), 89-100.
- Mualimin Mochammad Sahid & Amar Fettane. (2019). Kemahiran Bahasa Arab: Penanda Aras Agenda Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 4(29), 12-23.
- Muhammad Affan Ahamad, Erda Wati Bakar & Jowati Juhary. (2022). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pendekatan Konstruktivisme dalam Pengajaran Seni Bahasa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(7), 1-25.
- Muhammad Faris, S., & Abdul Salam, A.S. (2023). Causes of Students Facing Difficulties in Speaking Arabic and Methods to Overcome It Among Arabic Students at UPSI. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 4(2), 55-67.
- Muhammad Suhaimi Taat, Mohd Yusof Abdullah, & Roslee Talip. (2014). Motivasi sebagai 'Mediator' antara Proses Pengajaran dan Bimbingan Guru dengan Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK) Pelajar: Satu Kajian Menggunakan 'Model SEM/AMOS'. *Sains Humanika*, 4, 127-132.
- Mushir Ahmad & Muhammad Azhar Zailani. (2019). Pengajaran Berkesan Guru Bahasa Arab di Pahang. *Journal of Sciences and Management Research*, 5(Nov), 15-47.
- Ng, R. (2024). From passive to proactive: Exploring the role of student agency in educational transformation. *IOSR Journal of Research & Method in Education (IOSR-JRME)*, 14(1, Ser. 2), 40-44.
- Noraini Idris & Shuki Osman. (2009). *Pengajaran dan Pembelajaran Teori dan Praktis*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn Bhd.
- Nur Zawani Mohamad Din, Harun Baharuddin, Maimun Aqsha Lubis, Nur Syafiqah Kamar & Siti Nor Hafizah Zakaria. (2015). Cabaran Pelaksanaan Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Berdasarkan Metod Pengajaran Bahasa Arab bagi Penutur Asing. *The Eight International Workshop and Conference of ASEAN Studies in Islamic and Arabic Education and World Civilization POLMED - UKM - STAI (AL-HIKMAH)*.
- Nurhidayati, Muhd Zulkifli Ismail, Machmudah, Umi & Ilyana Jalaluddin. (2021). Effectiveness of problem-based learning model to improve listening skills in foreign language courses. *AKADEMIKA*, 91(3 (SI)), 131-140.
- Nurul Afiqah Mohd Rizan & Harun Baharudin. (2021). Tahap Pengetahuan Kosa Kata dan Pencapaian Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Pelajar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Selangor. *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, 42-53.
- Purwanto, M. B. (2025). Metacognitive awareness: Shaping students' speaking performance in the hospitality setting. *Sintaksis: Publikasi Para Ahli Bahasa Dan Sastra Inggris*, 3(3), 1-14.
- Rosni Samah. (2009). Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia.

- Rosni Samah. (2014). Suggested Strategies for Non Arabic Speakers in Learning Arabic Language. *Pensee Journal*, 76(1), 232-239.
- Rosni Samah, Aishah Isahak, & Wan Azura Wan Ahmad. (2020). Amalan Guru Cemerlang dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa dan Sastera Arab Mengikut Strategi Ibnu Khaldun. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 35(1), 37-54.
- Rufaiqoh, E., Rosyidi, A.W., Machmudah, U, Ibrahim, N. I. E. J., & A. J. Sodik, A.J. "The Learning of Arabic Speaking Skills With Constructive Theory Perspective", *Jlz*, vol. 6, no. 3, pp. 243–252, Dec. 2023.
- Sufiahana Mahzan @ Mohd Zin, & Faridah Mydin Kutty. (2025). Pendekatan Aktiviti Main Peranan Meningkatkan Kemahiran Regulasi Emosi Kanak-Kanak Prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(2), e003289. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i2.3289>
- Sugirma, S., Hamid, M. A., & K., A. (2024). Analysis of Speaking Skill Learning Difficulties in Students of the Arabic Language Education Study Program at State Islamic Institute. *Arabiyatuna: Jurnal Bahasa Arab*, 8(2), 579–596. <https://doi.org/10.29240/jba.v8i2.10903>
- Ta'imah, R. A. (2006). *al-Maharah al-Lughawiyah: Mustawiyatuha tasrisuha su'ubatuha*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Tjabaka, H.T. (2022). Constructivist Communicative Strategies for Integration of Communication Skills in Grammar Classroom. (2022). *Czech Journal of Multidisciplinary Innovations*, 2, 4-16.
- Utami, I. G. (2016). Teori Konstruktivisme Dan Teori Sosiokultural : Aplikasi dalam Pengajaran Bahasa Inggris. *Prasi (Jurnal Bahasa, Seni, dan Pengajarannya)*, 11(1).
- Wolfson, N. (1983). *Rules of speaking in Language and Communication*. Jack C. Richard & Richard W. Schmidt (Eds.). London: Logman Group Limited.
- Zakaria, M. F., & Muhammad Nawawi, M. A. A. (2024). Roleplay sebagai aktiviti bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa arab: Roleplay as an activity in teaching and learning arabic language. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 8(2), 110–119. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v8i2.244>
- Zawawi Ismail, Abd Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi, & Mohd Ala-Uddin Othman. (2011). Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab di SMKA di Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(2).
- Stenros, J. (2015). *Playfulness, play, and games*. Finland: Taylor.
- Wilhelm, C. (2018). Gender role orientation and gaming behavior revisited: Examining mediated and moderated effects. *Information Communication and Society*, 21(2), 224-240. <http://doi.org/10.1080/1369118X.2016.1271902>
- World Health Organization. (2023, March 15). Mental health and COVID-19. *World Health Organization*. <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/mental-health-and-covid-19>